

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG (KAMPAR)**

**TARIKH : 20 JULAI 2020 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci jumlah pemohon Malaysia yang telah diberikan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Malaysia dari tarikh 9 Mei 2018 sehingga Disember 2019. Nyatakan langkah-langkah penambah-baikkan prosedur permohonan dan pelaksanaan pemberian kewarganegaraan kepada anak-anak yang dilahirkan di Malaysia kepada sekurang-kurangnya seorang ibu atau bapa yang merupakan warganegara Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh dari 9 Mei 2018 hingga 31 Disember 2019, sebanyak 968 permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan telah diluluskan dan dianugerahkan Sijil Warganegara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan kewarganegaraan individu berumur bawah 21 tahun diproses di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan.

Dalam memastikan permohonan berkenaan diproses dengan lebih sistematik dan berkesan, Kementerian telah menambahbaik Prosedur Pengendalian Standard (SOP) Permohonan Kewarganegaraan Di Bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan dengan **tempoh pemprosesan**

**yang lebih singkat bagi permohonan lengkap yang diterima mulai tahun 2020.** Penambahbaikan SOP berkenaan adalah berdasarkan kepada pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta turut mengambil kira pelbagai aspek termasuklah kebajikan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

Manakala, bagi permohonan kewarganegaraan lain di bawah Perlembagaan Persekutuan, Kementerian sedang mengkaji mekanisme bersesuaian sebagai penambahbaikan kepada polisi dan prosedur sedia ada. Pemerolehan kewarganegaraan Malaysia bagi individu yang dilahirkan di Malaysia kepada sekurang-kurangnya salah seorang ibu atau bapanya bertaraf warganegara Malaysia adalah di bawah Perkara 14(1) Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 14(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa individu yang dilahirkan di Malaysia dengan salah seorang ibu atau bapa mereka adalah warganegara Malaysia layak dianugerahkan kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang, tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahatarafan anak, dan peraturan imigresen.